

UMS bangun pusat kitar semula .

DE 16.01.2014 7

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata universiti itu akan membangunkan pusat kitar semula berasaskan 'green building' (bangunan hijau) dalam masa terdekat.

Katanya, dengan terbinanya pusat kitar semula itu, ia kelak akan menjadi satu lagi mercu tanda kejayaan universiti berkenaan dalam usahanya memelihara alam sekitar selain menjadi universiti pertama di negara ini yang melaksanakan konsep 'Eco Kampus'.

"Tapak bagi membina pusat kitar semula ini telah dikenal pasti dan ia sedang dibersihkan bagi tujuan itu dan dijangka siap dalam tempoh beberapa bulan ini," katanya kepada pemberita pada majlis perjanjian persefahaman (MOU) UMS dengan Hattareka

Perunding Sdn Bhd di kampus itu di Likas, pada Rabu.

Mohd Harun berkata pusat kitar semula itu merupakan satu daripada projek penting yang akan dibiayai sepenuhnya Hattareka Perunding Sdn Bhd dan kemudahan itu akan menempatkan bahan-bahan terbuang dari pejabat-pejabat yang terdapat di dalam kampus.

Katanya kawasan pusat kitar semula berkenaan pula akan dibina dengan elemen-elemen keunikkan alam sekitar.

Sementara itu, Pengarah Urusan Hattareka Perunding Sdn Bhd, Hamidon Mohd Ali berkata pusat itu akan dibina secara berperingkat-peringkat dan buat permulaan ia akan dibina di atas tapak seluas 700 kaki persegi.

"Buat permulaan ia akan mempunyai bilik pameran dan tempat pengumpulan barang," katanya. – Bernama